



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 43
Bil. 16

2hb Ogos 1990

TAMBAHAN No. 10
PERUNDANGAN

Tr. P.U. 13.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 UNDANG-UNDANG KECIL PENJAJA (MAJLIS DAERAH MARANG) 1988

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Akta 171. Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Marang dengan ini membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengesahkan Undang-Undang Kecil yang berikut:

1. Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Daerah Marang) 1988 dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Marang dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ini disiarkan dalam *Warta*. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Dalam Undang-Undang Kecil ini melainkan jika kandungan *Tafsiran*. ayatnya menghendaki makna yang lain:

“barang-barang” termasuklah apa-apa perkhidmatan yang diberi untuk mendapatkan keuntungan;

“gerai” termasuklah mana-mana gerai berkunci, meja, sektor, bangku, bangku panjang, bakul, kerusi, kayu kandar, petak peraga dinding, papan tunjuk dari apa-apa juga jenis atau apa-apa lain yang berkaitan dengannya sama ada mudah alih atau bukan mudah alih dan sama ada beroda atau tidak beroda, yang di atasnya atau di dalamnya makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis dijual atau didedah untuk jualan di mana-mana tempat persendirian atau tempat awam;

“gerai berkunci” ertinya gerai yang dibina oleh Majlis atau mana-mana badan kerajaan atau badan berkanun yang dikelaskan sebagai demikian oleh Yang Dipertua;

irst taken into
n a 10 percent
minutes and
1 subsequent
r or bristle
hree minutes
le from any
hat they shall

(1) shall be
each day and

xer's shop.
be or remain

s commit an
ceeding two
g one year or

onspicuously
maintained
r person in

Town Board
are hereby

g on the 16

AN,

Council

April 1990.

“jualan atau jual-menjual” termasuklah tukar-menukar atau tukar melakukan atau membenar jualan atau mendedahkan untuk jualan atau ada dalam simpanan untuk dijual sebarang makanan, minuman atau barang-barang untuk dimakan atau kegunaan manusia;

“kereta” termasuklah apa-apa kereta yang digerakkan dengan jentera atau selainnya dan termasuklah gadi, kereta sorong, kereta tolak, basikal, trisikal, motosikal, skuter, motokar, van, lori, vesel, bot, atau rakit yang digunakan bagi maksud menjaja;

“penjaja” termasuklah penjaja beredar, statik atau sementara;

“penjaja beredar” ertinya seseorang yang dengan atau tanpa kereta pergi dari setempat ke setempat untuk mendedahkan, membahagi atau menyerahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis;

“penjaja statik” ertinya seseorang yang mendirikan gerai di sesuatu tempat awam atau tempat persendirian dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis;

“penjaja sementara” ertinya seseorang yang kadangkala mendirikan gerai dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis di petak yang ditetapkan bagi maksud itu oleh Yang Dipertua bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Yang Dipertua;

“penjaja beredar sementara” ertinya seseorang yang kadangkala mendirikan gerai dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis dengan atau tanpa kereta pergi dari setempat ke setempat;

“majlis” ertinya Majlis Daerah Marang;

“tempat awam” ertinya mana-mana lapangan terbuka, tempat letak kereta, kebun bunga, taman rekreasi dan bersuka-suka atau medan, sama ada terkepung atau tidak, yang dikhaskan atau diuntukkan bagi kegunaan orang ramai atau yang terbuka kepada orang ramai pada bila-bila masa;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua, Majlis Daerah Marang dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

3. Tiada seseorang pun boleh bertindak sebagai penjaja tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua di bawah Undang-Undang Kecil ini.

4. (1) Tiap-tiap permohonan bagi mendapatkan lesen untuk bertindak sebagai penjaja hendaklah dibuat secara bertulis kepada Yang Dipertua dalam borang yang ditetapkan oleh Yang Dipertua.

(2) Jika permohonan bagi mendapatkan lesen diluluskan, Yang Dipertua hendaklah meminta pemohon memberi dua keping fotograf saiz paspot dengan mana pemohon boleh dikenali.

(3) Lesen hendaklah di dalam borang yang ditetapkan oleh Yang Dipertua.

(4) Tiap-tiap lesen selain daripada yang dikeluarkan kepada penjaja beredar, hendaklah berkenaan dengan tapak atau tapak-tapak tertentu.

Dilarang
menjaja
tanpa
lesen.

Permohonan
lesen.

menukar atau tukar ikan untuk jualan makanan, minuman manusia;

digerakkan dengan reta sorong, kereta ar, van, lori, vesel, ajah;

atau sementara;

lengan atau tanpa uk mendedahkan, apa-apa makanan,

endirikan gerai di dan menjual atau uman atau barang-

yang kadangkala untuk jualan apa-apa jenis di Dipertua bagi apa-

yang kadangkala untuk jualan apa-apa jenis dengan

terbuka, tempat bersuka-suka atau dikhaskan atau terbuka kepada

is Daerah Marang

enjaja tanpa lesen Undang-Undang

kan lesen untuk a bertulis kepada Yang Dipertua.

diluluskan, Yang a keping fotograf

ditetapkan oleh

eluarkan kepada atau tapak-tapak

(5) Tiap-tiap lesen hendaklah menyatakan:

(a) tempoh sahnya lesen itu;

(b) jenis makanan, minuman atau barang-barang yang akan dijual; dan

(c) tema-tema, syarat-syarat dan sekatan-sekatan sebagaimana yang difikirkan oleh Yang Dipertua patut dikenakan.

(6) Tiap-tiap lesen boleh dibatalkan oleh Yang Dipertua pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.

(7) Yang Dipertua boleh, menurut budibicaranya, enggan memberi atau membaharui sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab.

(8) Tiap-tiap orang yang telah diberi lesen hendaklah mempamerkan lesenya pada setiap masa di sesuatu tempat yang mudah dilihat di premis, kereta atau gerai yang dilesen, dan hendaklah menunjukkan lesen itu bila dikehendaki berbuat demikian oleh Yang Dipertua atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua.

(9) Pemegang lesen hendaklah menyerahkan balik lesenya apabila lesen itu tamat tempohnya, dibatalkan, dipotong atau digantung, kepada Yang Dipertua.

(10) Jika lesen itu hilang, binasa atau rosak, Yang Dipertua boleh mengeluarkan salinan penduanya, dan bayarannya ialah sepuluh ringgit.

(11) Tiap-tiap lesen tahunan yang dikeluarkan hendaklah, melainkan terlebih dahulu dibatalkan, tamat tempohnya pada 31 Disember tahun lesen itu dikeluarkan.

(12) Lesen tidaklah boleh dipindahmilik.

5. (1) Tiada suatu gerai, selain daripada gerai yang dibina oleh Majlis atau mana-mana Badan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun, boleh melebihi lapan belas desimeter panjang dan sembilan desimeter lebar melainkan dikecualikan oleh Yang Dipertua secara bertulis dan hendaklah beratap sebagaimana yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

(2) Tiada suatu petak peraga dinding boleh melebihi ukuran tiga puluh enam desimeter kali lapan belas desimeter kali tiga desimeter.

6. Tiada seseorang pun dibenarkan membuat sebarang bentuk sambungan pada mana-mana gerai.

7. (1) Pemegang lesen hendaklah sentiasa hadir dan menjalankan atau mengawasi perniagaan di gerai atau di petaknya, melainkan jika ia tidak hadir atas sesuatu sebab yang munasabah.

(2) Jika pemegang lesen tidak dapat menguruskan perniagaannya di gerainya selama tempoh 30 hari atau lebih, ia hendaklah melantik seorang penama untuk mengambil tempatnya dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan secara bertulis daripada Yang Dipertua.

Saiz gerai.

Sambongan adalah ditegah.

Pemegang lesen tidak hadir.

(3) Yang Dipertua tidak boleh, kecuali dalam hal keadaan yang difikirkannya patut, memberi sesuatu kelulusan di bawah peruntukan-peruntukan perenggan (2) Undang-Undang Kecil ini bagi sesuatu tempoh lebih daripada 3 bulan.

(4) Jika seseorang penama bertindak bagi pihak seseorang pemegang lesen di bawah peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini, kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab-tanggungjawab yang dikenakan ke atas pemegang lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah terletak ke atas penama tersebut yang mana boleh didakwa atas apa-apa pelanggaran Undang-Undang Kecil ini seolah-olah ia adalah pemegang lesen.

(5) Bayaran sebanyak sepuluh ringgit hendaklah dibayar oleh pemegang lesen bagi melantik seorang penama.

Larangan.

8. (1) Tiada seorang pun penjaja boleh menjalankan perniagaannya:

- (a) dalam lingkungan sepuluh meter dari simpang jalan;
- (b) dalam lingkungan tiga puluh enam desimeter dari pili bomba; atau
- (c) di atas tangga, kakilima atau tempat lapangan awam yang berturap atau mana-mana saluran parit atau longkang melainkan yang dibenarkan oleh Yang Dipertua.

(2) Tiada seorang penjaja boleh menjalankan perniagaannya dengan cara yang boleh menghalang atau mengganggu perjalanan lancar lalulintas kereta dan pergerakan bebas orang-orang yang berjalan kaki.

(3) Sescorang penjaja hendaklah berumur tidak kurang dari pada 18 tahun melainkan dikecualikan oleh Yang Dipertua.

Mematuhi arahan.

9. Tiap-tiap penjaja hendaklah mematuhi apa-apa arahan lisan atau bertulis yang diberi oleh Yang Dipertua atau oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua berkenaan dengan penempatan gerai, kereta atau lain-lain yang berkaitan dengan perniagaannya.

Memindah daripada tempat menjaja.

10. Tiap-tiap penjaja sementara hendaklah memindahkan dari petak atau tapaknya, gerai, kereta atau lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya pada waktu perniagaan ditutup pada tiap-tiap hari atau tiap-tiap malam, mengikut mana yang berkenaan.

Penjaja beredar.

11. Tiada sescorang boleh bertindak sebagai penjaja beredar di mana-mana jalan atau di mana-mana tempat yang dinyatakan dalam jadual pertama.

Kereta tolak.

12. Kereta tolak yang digunakan oleh penjaja beredar tidak boleh melebihi 18 desimeter panjang dan 9 desimeter lebar dan atapnya atau kajang di atasnya tidak boleh lebih panjang daripada 3 desimeter dari mana-mana bahagian kereta tolak itu, dan rekabentuk struktur dan bahan yang digunakan untuk binaan kereta tolak itu hendaklah seperti yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

Kereta.

13. Jika kereta digunakan oleh penjaja beredar, saiz atau bentuk kereta itu hendaklah mengikut sebagaimana yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

14. Penjaja beredara tidak boleh tinggal menetap di suatu tempat kecuali pada waktu ia sebenarnya menjual barang-barang kepada pelanggan-pelanggan dan pada waktu ia tidak sebenarnya berbuat demikian, ia hendaklah sentiasa berpindah-randah.
Penjaja beredara hendaklah berpindah-randah.
15. Tiap-tiap penjaja hendaklah dikenakan pemeriksaan doktor atau pelalian mengikut sebagaimana yang diarahkan oleh Yang Dipertua.
Pemeriksaan doktor.
16. Tiap-tiap penjaja hendaklah menjaga:
Kebersihan.
- (a) dirinya dan pakaianya supaya berada dalam keadaan bersih;
 - (b) gerai atau keretanya dan lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya supaya berada dalam keadaan bersih dan sihat, dan hendaklah mengecat dan mengecatnya semula pada bila-bila masa sebagaimana yang diarahkan oleh Yang Dipertua; dan
 - (c) mengadakan air yang bersih dan jernih untuk membasuh dan membersih perkakas memasak, alat-alat masak, pinggan mangkuk, piring atau segala alat-alat untuk digunakan sebagai perkakas untuk hidangan makanan kepada pelanggan atau bersabit dengan perniagaannya.
17. Penjaja tidak boleh menggunakan kayu api di tempat perniagaannya bagi maksud menyediakan makanan melainkan dikecualikan oleh Yang Dipertua.
Kayu api tidak dibenarkan.
18. Tiap-tiap penjaja hendaklah mengadakan tong-tong sampah atau beg plastik atau bekas sampah yang cukup sebagaimana perlu sebagai tempat mengisi sampah.
Tong sampah hendaklah diadakan.
19. Segala sampah busuk atau sampah pepejal basah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik atau lain-lain bekas yang sesuai sebelum diletakkan ke dalam tong sampah.
Sampah pepejal basah.
20. Segala sampah dalam tong sampah hendaklah dilupuskan oleh penjaja mengikut cara yang diarahkan oleh Yang Dipertua.
Pelupusan Sampah.
21. (1) Tiada seorang penjaja boleh menyebab atau memberar diletakan, ditumpahkan, ditaburkan atau dibuang apa-apa darah, air masin, cecair buangan, atau lain-lain bahan busuk dalam mana-mana longkang, jalan atau di atas mana-mana tempat awam yang lain.
Tumpahan bahan busuk.
- (2) Jika dalam sesuatu hal adalah dibuktikan bahawa apa-apa darah, air masin, cecair buangan atau lain-lain bahan busuk telah diletakkan di mana-mana tempat yang bersalahan dengan undang-undang kecil 21(1) berdekatan dengan mana-mana gerai, kereta kepunyaan atau digunakan oleh penjaja, maka hendaklah dianggap, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, bahawa kesalahan itu telah dilakukan oleh atau dengan kebenaran penjaja yang berkenaan.
Anggapan mengenai pesalah.
22. Bayaran yang dikenai dibayar bagi sesuatu lesen hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan hendaklah dibayar terlebih dahulu.
Bayaran.

Penalti.

23. Seseorang yang bertindak sebagai penjaja tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua di bawah Undang-Undang Kecil ini dan seseorang yang setelah diberi lesen oleh Yang Dipertua di bawah Undang-Undang Kecil ini, bertindak berlawanan dengan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau denda dan penjara kedua-duanya sekali.

Penyitaan.

24. (1) Apa-apa barang yang dicadang atau yang didedahkan untuk jualan bersama-sama dengan bekasnya dan apa-apa alat yang menyertainya dan juga gerai atau kereta kepunyaan orang yang tidak dilesen untuk bertindak sebagai penjaja di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh dirampas oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua, dan dipindahkan ke mana-mana tempat yang ditentukan oleh Yang Dipertua dan ditahan di situ atas tanggungan pemunyanya.

(2) Apa-apa barang yang tidak tahan lama yang dirampas di bawah perenggan (1) Undang-Undang Kecil ini boleh dilupuskan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

Tuntutan
ke atas
barang-barang
yang disita.

25. Seseorang yang ada apa-apa tuntutan ke atas mana-mana barang yang telah dipindahkan dan ditahan di bawah Undang-Undang Kecil 24, boleh menuntut barang-barang itu daripada Yang Dipertua dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh barang-barang itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Yang Dipertua dan tertakluk kepada pembayaran yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Dengan syarat bahawa jika sekiranya tiada apa-apa tuntutan dibuat ke atas mana-mana barang-barang yang telah dipindahkan atau ditahan itu dalam tempoh tiga puluh hari yang dinyatakan itu, Yang Dipertua boleh melupuskan barang-barang itu mengikut cara yang difikirkan patut oleh Yang Dipertua.

JADUAL PERTAMA

(Undang-Undang Kecil 11)

1. Mana-mana jalan atau bahagian sesuatu jalan dalam lingkungan empat puluh meter dari sesuatu jalan masuk atau jalan keluar atau kawasan sekitar mana-mana sekolah, hospital, pasar awam atau kawasan perdagangan yang diintukkan bagi penjaja-penjaja.
2. Semua tempat letak kereta awam.
3. Semua perhentian bas, stesyen bas dan tempat hentian teksi.
4. Kawasan sekitar semua bangunan pejabat kerajaan dan tempat-tempat awam.
5. Mana-mana bahagian jalan yang ditentukan oleh Yang Dipertua.
6. Kawasan-kawasan lain yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

a tanpa lesen yang
ng-Undang Kecil ini
ig Dipertua di bawah
i dengan mana-mana
bersalah atas suatu
an denda tidak lebih
tempoh tidak lebih
a-duanya sekali.

ig dide dahkan untuk
apa-apa alat yang
an orang yang tidak
ah Undang-Undang
ai yang diberi kuasa
ikan ke mana-mana
ditahan di situ atas

i yang dirampas di
i boleh dilupuskan
Yang Dipertua.

mana-mana barang
lang-Undang Kecil
ng Dipertua dalam
itu disita tertakluk
ang Dipertua dan
am Jadual Ketiga.

apa-apa tuntutan
telah dipindahkan
ng dinyatakan itu,
itu mengikut cara

dalam lingkungan
atau jalan keluar
pital, pasar awam
in bagi penjaja-

hentian teksi.

jaan dan tempat-

h Yang Dipertua.
ng Dipertua.

JADUAL KEDUA

(Undang-Undang Kecil 22)

1. Penjaja beredar:

- | | |
|-----------------------------------|-------------------|
| (a) Tanpa kereta | \$ 10.00 setahun. |
| (b) Berkereta— | |
| (i) Basikal | \$ 10.00 setahun. |
| (ii) Trisikal | \$ 20.00 setahun. |
| (iii) Motosikal (dua roda) | \$ 25.00 setahun. |
| (iv) Motosikal/van (tiga roda) .. | \$ 35.00 setahun. |
| (v) Motosikal/van (empat roda) .. | \$ 45.00 setahun. |
| (vi) Kereta tolak | \$ 20.00 setahun. |

2. Penjaja beredar sementara \$ 2.00 sehari.

3. Penjaja sementara \$ 1.00 sehari.

4. Penjaja statik:

- | | |
|--|-------------------|
| (a) Gerai-gerai yang menjalankan perniagaan
di tepi jalan: | |
| (i) Gerai-gerai yang bersaiz biasa
hendaklah berukuran 2 meter x 1
meter dengan penutup maksima 3
meter x 3 meter | \$ 10.00 sebulan. |
| (ii) Pada setiap tambahan 1 meter
persegi ruang yang diduduki atau
sebahagian daripadanya tertakluk
pada maksima 16 meter persegi | \$ 3.00 sebulan. |
| (b) Gerai-gerai yang menjalankan perniagaan
di atas tanah lot kosong yang
disewa dan di atas tanah Kerajaan: | |
| (i) Gerai biasa hendaklah berukuran
2 meter x 1 meter dengan penutup
maksima 3 meter x 3.5 meter | \$ 5.00 sebulan. |
| (ii) Pada setiap tambahan 1 meter
persegi ruang yang diduduki
atau sebahagian daripadanya | \$ 2.00 sebulan. |
| (c) Gerai-gerai 'centralised' | \$ 10.00 sebulan. |
| (d) Gerai-gerai berkunci | \$ 50.00 setahun. |

JADUAL KETIGA

(Undang-Undang Kecil 25)

- | | |
|--|---|
| 1. Memindahkan gerai atau barang-barang .. | \$20.00 – \$100.00. |
| 2. Bayaran menyimpan gerai atau barang-barang | \$ 5.00 bagi tempoh tidak lebih daripada 3 hari dan tambahan 50 sen setiap hari berikutnya. |

Diperbuat oleh Majlis Daerah Marang di dalam mesyuarat pada 21 Januari 1988.

[MDM. (S) 1/81 Bhg. 14]

*MAZLAN BIN AWANG,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Marang*

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri di dalam mesyuarat pada 6 Mei 1990.

[SUK. TR. 1200/354/1; PUN. TR. (S) 85/3/1]

*OSMAN BIN MUDA,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Terengganu*

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
HAWKERS (MARANG DISTRICT COUNCIL)
BY-LAWS 1988

Act 171.

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Local Government Act 1976, the Marang District Council hereby makes and pursuant to section 103 of the aforesaid Act, the State Authority hereby confirms the following By-laws:

Citation,
application
and
commencement.

Interpretation.

1. These by-laws may be cited as the **Hawkers (Marang District Council) By-laws 1988** and shall apply only to the area of the Marang District Council and shall come into force on the day published in the *Gazette*.

2. In these By-laws unless the context otherwise requires:

“goods” includes any services rendered for profit;

“stall” includes any lock-up stall, table, store, stool, bench, basket, chair, kandar stick, wall showcase, showboard, of whatever nature or any other appurtenances whether portable or non-portable and whether on wheels or not on wheels, whereon or wherein food, drinks or goods of any kind are sold or exposed for sale in any private or public place;